

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09 APRIL 2017

PAS bidas Dr M tuduh RUU 355 pecah-belah ummah

BH - 9/4/2017

[FOTO MOHAMED FARID NOH/BH]

Batu Pahat: PAS semalam membidas Tun Dr Mahathir Mohamad yang menuduh pindaan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (RUU 355) bertujuan memecah-belahkan orang Islam.

Sebaliknya Naib Presiden PAS, Idris Ahmad, berkata Dr Mahathir sendiri bertanggungjawab memecah-belah orang Melayu yang dibuktikan menerusi beberapa tindakannya ketika menjadi Perdana Menteri, termasuk sehingga wujud Parti Semangat 46 dan PKR.

Marah pendirian PAS

Malah katanya, tuduhan Dr Mahathir juga sebenarnya berikutan bekas Perdana Menteri berkenaan marah dengan pendirian PAS yang tidak lagi mahu bekerjasama dan menjalinkan hubungan dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

“Oleh sebab marah dengan PAS, Dr Mahathir kini menyerang pula perjuangan yang dibawa kami dan mendakwa RUU 355 menyebabkan orang Islam berpecah-belah.

“Saya nak tolong peringat dia, pada zaman dialah kita tengok la-

hirnya Semangat 46 dan PKR, adakah dia orang yang menyatukan?

“Pada zaman dia juga, tiga Timbalan Perdana Menteri terpelanting iaitu Tun Musa Hitam, Tun Ghafar Baba (Allahyarham) dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, jadi adakah Dr Mahathir orang yang menyatukan? Hakikatnya, dialah yang menyebabkan orang Melayu berpecah-belah sehingga sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Johor di sini, semalam.

Tuduhan Dr M keterlaluan

Idris mengulas tuduhan Mahathir itu yang mendakwa RUU 355 bukan sahaja tidak mempunyai kaitan dengan Islam, sebaliknya ia digunakan untuk politik bagi memecah-belahkan orang Islam di negara ini.

Idris berkata, tuduhan Dr Mahathir mengenai pindaan RUU 355 itu keterlaluan berikutan usul pindaan dibentangkan Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang, itu bertujuan memperkasakan perundangan syariah di negara ini.



Idris (tiga dari kiri) bersama Pemangku Ketua Pemuda PAS Johor, Juwahir Amin (kanan), menampal peta Johor pada pelancaran Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Johor di Batu Pahat, semalam.